قجابت سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
OFFICE OF THE PUBLIC SERVICE COMMISSION
DEPARTMENT OF THE PRIME MINISTER

BANGUNAN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Tel. : 2381961**
**Faks : 2382772**
**Email : info@spa.gov.bn**
**Website : www.spa.gov.bn**

Ref : SPA / BPU / 01 / 03 / 082

17 Syaaban 1431H
29 Julai 2010M

# SURAT PEMBERITAHUAN
# PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, JABATAN PERDANA MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
# BILANGAN: 4 / 2010

Kepada :
Setiausaha-Setiausaha Tetap,
Ketua-Ketua Jabatan.

**Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai yang layak adalah dipelawa untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan yangmana akan diadakan pada tarikh yang telah ditetapkan seperti berikut:-**

| Bil. | Tarikh dan Waktu | - | Peringkat | Mata Pelajaran |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Hari Sabtu<br>11 Disember 2010<br>Jam 8.30 pagi | - | Kesetiausahaan Pertama | Menaip - 40 psm<br>Trengkas - 80 psm |
| 2. | Hari Ahad<br>12 Disember 2010<br>Jam 8.30 pagi | - | Kesetiausahaan Kedua | Menaip - 45 psm<br>Trengkas - 80 – 110 psm |
| 3. | Hari Jumaat<br>10 Disember 2010<br>Jam 8.30 pagi | - | Kesetiausahaan Ketiga | Menaip - 50 psm<br>Trengkas - 110 psm |

1. **TEMPAT PEPERIKSAAN**

Institut Perkhidmatan Awam, Kampong Rimba, Negara Brunei Darussalam.

.../2

2. **SYARAT-SYARAT UTAMA**

(i) Pegawai yang layak menduduki **Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Pertama** adalah terdiri dari pegawai yang menyandang jawatan sebagai **Penolong Kerani Sulit dalam tanggagaji D.3 EB.4-5 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.**

(ii) Pegawai yang layak menduduki **Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Kedua** adalah terdiri dari pegawai yang menyandang jawatan sebagai **Kerani Sulit dalam tanggagaji C.1-2 EB.3 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.**

(iii) Pegawai yang layak menduduki **Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Ketiga** adalah terdiri dari pegawai yang menyandang jawatan sebagai **Setiausaha Sulit dalam tanggagaji-tanggagaji BW.1 dan BW.2 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.**

(iv) Pemohon yang hendak mengambil peperiksaan-peperiksaan tersebut di atas hendaklah terdiri daripada:-

a) pegawai-pegawai dalam ***PERKHIDMATAN BERGAJI BULAN;***
b) rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan
c) Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

3. **BORANG PERMOHONAN**

(i) Borang permohonan boleh diperolehi di Tingkat 2, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Bahagian Peperiksaan dan Ujian) atau dengan memuat turun melalui laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

.../3

TMD

(ii) Borang permohonan hendaklah menggunakan borang yang disediakan dan dihadapkan melalui **SETIAUSAHA TETAP / KETUA JABATAN MASING-MASING**, tidak lewat daripada **HARI SABTU, 23 SYAWAL 1431 BERSAMAAN 2 OKTOBER 2010.**

4. **KETERANGAN LANJUT**

Sebarang pertanyaan bolehlah ditujukan kepada Pegawai bertugas di alamat berikut:

**Bahagian Peperiksaan dan Ujian**
Tingkat 2, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Negara Brunei Darussalam

Tel No: **2381961** sambungan **561**, **568**, **562** dan **565**
Emel : bpu@spa.gov.bn

*"Keluarga Bahagia Hidup Berjaya"*

Dengan hormat,

**( DAYANG HAJAH JAMILAH BINTI HAJI MATARSAD )**
Pemangku Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam